

22/06/2002

Perwakilan faham mesej Melayu belum selamat

Kadir Dikoh

"INI berita pertama, England 1 Brazil 0. Berita kedua England 1 Brazil 1. Berita ketiga, yang ini lagi `best', iaitu Brazil 2 England 1." Itu antara pengumuman Pengerusi Tetap Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah, kira-kira jam 3.50 petang semalam ketika kedua-dua pasukan itu masih beraksi pada perlawanan suku akhir bola sepak Piala Dunia 2002 yang akhirnya dimenangi Brazil.

Pada hari kedua Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam, hampir satu pertiga ruang di Dewan Merdeka kosong kerana ramai perwakilan lelaki ponteng untuk menonton siaran langsung perlawanan itu.

Di luar dewan pula, skrin besar yang menayangkan siaran langsung itu buat seketika mencuri tumpuan orang ramai, termasuk pemerhati dan perwakilan, yang ponteng sehingga perbahasan yang turut ditayangkan melalui televisyen kamera litar tertutup, tidak lagi menjadi ikutan.

Sebaik saja England menjaringkan gol pertama, sorakan lantang kedengaran sehingga turut didengar perwakilan di dalam dewan yang sedang berbahas. Berikutan itu, pihak pengurusan PWTC terpaksa menutup terus siaran langsung televisyen kecuali di pusat media.

"Setakat ini tiada berita baru," kata Sulaiman dari semasa ke semasa di dalam dewan untuk memaklumkan kedudukan terkini perlawanan dua pasukan gergasi bola sepak itu. Tumpuan di luar dewan kemudian beralih kepada perbahasan di skrin televisyen setelah berakhirnya perlawanan dengan kemenangan Brazil.

Namun, peristiwa itu tidak menjejaskan perjalanan perhimpunan dan sebahagian besar perwakilan masih tekun mendengar hujah-hujah sepanjang perbahasan.

Seperti tahun-tahun lalu, perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno 2002 kali ini tidak jauh berubah, baik dari segi mutu dan kandungan. Tidak kurang juga unsur jenaka, sindiran sinis dan pantun bagi meluahkan isi hati.

Cuma yang berbeza ialah isu yang dipaparkan lebih kepada isu semasa seperti pendidikan, tindak-tanduk Pas dan hukum hududnya serta Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Turut disentuh dalam perbahasan semalam ialah kunjungan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Vatican City menemui Pope John Paul II, ke Washington atas undangan Presiden George W Bush dan beberapa pemimpin Eropah, Jepun dan Korea Selatan.

Mereka menganggap Perdana Menteri sebagai pemimpin yang mewakili suara negara Islam, terutama dalam usaha mencari penyelesaian konflik Palestin-Israel dan ini turut menaikkan nama Malaysia pada mata dunia.

Banyak juga isu lama dibangkitkan kembali, tetapi ia tetap relevan seperti pembangunan di kawasan luar bandar serta keperluan prasarana pendidikan yang didakwa masih pada tahap kurang memuaskan, lebih-lebih lagi dalam keadaan perubahan sistem serta dasar pendidikan.

Namun, inti pati ucapan Dr Mahathir kelmarin yang bertemakan `Mendedah Yang Terbuka' mendapat pujian beberapa perwakilan ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden.

"Datuk Seri Presiden, janganlah menangis lagi." Itu adalah antara kata-kata wakil Negeri Sembilan, Ismail Hashim, ketika membahaskan usul itu. Ungkapan itu diluahkan setelah berasa tersentuh hati mendengar ucapan Dr Mahathir yang melahirkan rasa kecewa atas kegagalannya membentuk bangsa

Melayu yang disegani.

Banyak kali Perdana Menteri meminta maaf dalam ucapan dasarnya kelmarin dan sesetengah perwakilan yang berucap selepas itu dan semalam, menyatakan tidak perlu bagi Presiden Umno itu meminta maaf. Sebaliknya, merekalah yang berasa bersalah.

Namun, melalui perbahasan perwakilan, jelas mereka memahami mesej yang disampaikan oleh Dr Mahathir bahawa Melayu belum selamat dan mereka mahu tugas itu dipikul bersama oleh semua ahli Umno dan orang Melayu keseluruhannya tanpa mengira ideologi politik.

Seperti biasa, kehadiran wakil Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin, memang ditunggu-tunggu kerana ucapannya ketika berbahas banyak membuatkan perwakilan termasuk Dr Mahathir sendiri tidak kering gusi.

Badruddin yang saban tahun berdiri di pentas perhimpunan, memang dikenali di kalangan perwakilan.

Satu kelebihan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah itu ialah pandai 'mencuri' masa meskipun Sulaiman berulang kali mengingatkan masa 20 minit yang diperuntukkan untuknya berucap, sudah tamat.

"Tun Pengerusi, buku Tun memang menarik dan patut dibaca oleh semua," kata Badruddin sambil menunjukkan buku itu bagi menambat hati Sulaiman supaya terus memberinya masa untuk berucap, menyebabkan perwakilan sekali lagi ketawa. Buku bertajuk Tun Sulaiman Ninam Shah - Pengerusi Tetap Umno itu dilancarkan oleh Dr Mahathir, Selasa lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Zainuddin Maidin, ketika ditemui selepas perhimpunan hari kedua ditangguhkan, berkata cara Badruddin memberi ucapan memang menarik.

"Dia banyak berjenaka dan menyindir. Pada saya cara ini memang berkesan untuk menyampaikan mesej," katanya.

Kemunculan sekali lagi Datuk Ibrahim Ali berbahas turut menarik perhatian dan beliau sememangnya pemedato yang baik, boleh menyebabkan dewan riuh rendah, tetapi sekali-sekala boleh menaikkan bulu roma dengan sindiran tajam.

Beliau menyarankan Dr Mahathir supaya tidur di Kelantan bagi membantu Umno negeri merampas negeri Cik Siti Wan Kembang itu daripada Pas.

"Datuk dah 10 tahun (pegang jawatan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan), satu pun Datuk tak tidur di Kelantan. Kalau pergi, malam balik. Jadi kalau nak rampas Kelantan, buat macam Datuk tidur di Langkawi. Hujung minggu pergi tidur... buat tu buat ni. Sekarang pun Datuk dah jadi kerabat Kelantan, kawan baik Sultan Kelantan," katanya.

Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad, memuji Ibrahim dan menyifatkan ucapannya kali ini lebih baik berbanding tahun lalu dari segi isi kandungan dan pendekatannya.

"Bagi saya, keseluruhannya 'mood' perbahasan kali ini lebih ke arah memantapkan lagi perpaduan sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.

Mungkin kerana Dr Mahathir tidak menyentuh isu kuota 10 peratus kemasukan bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Pusat Matrikulasi serta penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik secara langsung dalam ucapan dasarnya, perwakilan kurang membahs topik berkenaan.

Memang ada perwakilan menyentuh mengenai hak keistimewaan dan bahasa Inggeris, tetapi mereka tidak membantah.

Misalnya, wakil Kelab Umno Mesir, Mohd Hariran Jusoh, ketika turut berbahas menegaskan bahawa hak keistimewaan orang Melayu tidak pernah diabaikan dan penuntut Melayu di institusi pengajian tinggi pula perlu menguasai lebih daripada dua bahasa.

Ibrahim pula meminta orang Melayu memahami apa yang tersirat dengan pelaksanaan kuota 10 peratus untuk ke MRSM dan Pusat Matrikulasi.

"Kita awal lagi dah tunjuk sikap kita... jangan bimbang mengenai perkara ini kerana selama ini pun hanya orang Melayu yang hantar anak ke sekolah Cina. Saya yakin tahun depan, orang Cina tidak akan masuk ke MRSM. Tetapi kalau MRSM tak cukup kita akan tambah lagi," katanya.

Ada juga cadangan supaya dilantik orang Umno yang berkelayakan mengetuai agensi atau syarikat milik kerajaan bagi mengawasi supaya ia tidak diseleweng.

Turut dicadangkan ialah supaya orang politik dilantik mengetuai majlis daerah selain menyatakan sokongan terhadap penubuhan Fakulti Perubatan di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Exco Pemuda, Dr Zambry Abdul Kadir, yang membentangkan usul pendidikan pada sebelah petang pula memaparkan cadangan menarik, iaitu penubuhan Tabung Simpanan Pendidikan Bumiputera untuk menggalakkan tabiat menabung di kalangan ibu bapa.

Rasionalnya ialah ibu bapa boleh mula menabung untuk pendidikan anak mereka dari kecil lagi supaya duit itu digunakan untuk membiayai pendidikan mereka pada masa akan datang. Ia mirip seperti peranan Tabung Haji.

Beliau turut mencadangkan latihan untuk guru bagi mengajar bahasa Inggeris di sekolah luar bandar melalui e-pembelajaran.

Hari ini, usul agama pula akan dibahaskan sebelum ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno menggulung perbahasan pada sebelah petang.

(END)